



Yayasan Waqaf Malaysia (PPAB-02/2008)

YAYASAN WAQAF MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

1. Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG (GRED N29)**
2. Bilangan kekosongan : Satu
3. Taraf Jawatan : Kontrak
4. Gaji Ditawarkan :
 - Gaji Pokok : RM1,493.00
 - Elaun Tetap Perumahan: RM300.00
 - Elaun Sara Hidup : RM350.00
 - Elaun ITKA : RM160.00
5. Syarat Lantikan :
 - diploma undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diktiraf setaraf dengannya;
 - lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan.

6. Deskripsi tugas : • Bertanggungjawab untuk membantu Penasihat Undang-undang (PUU) dalam memberi pandangan/nasihat perundangan selaras dengan peruntukan undang-undang di Malaysia yang berkuat kuasa;
- Membantu PUU menggubal dan/atau menyemak draf Perjanjian/ MoU/ Surat Niat/ Surat Setuju Terima serta dokumen berkenaan hal-hal perundangan YWM;
 - Membantu PUU menyediakan dokumen/ mengumpul maklumat kajian kes/ meneliti saman atau apa-apa dokumen perundangan berkaitan untuk dikemukakan kepada Peguam Panel YWM;
 - Membantu PUU membuat kajian kepada mana-mana isu berkaitan perundangan yang berkaitan dengan pengurusan YWM atau pengurusan berkaitan wakaf;
 - Membantu PUU mengkaji pemakaian dan perubahan pekeliling-pekeliling/ arahan-arahan Kerajaan Persekutuan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa yang bersesuaian dengan YWM;
 - Menguruskan hal ehwal mesyuarat atau perbincangan yang dianjurkan oleh Unit Undang-undang;
 - Menguruskan perekodan dokumen-dokumen berkaitan Unit Undang-undang;
 - Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dengan gambar dan salinan dokumen-dokumen yang disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- b) Permohonan hendaklah disampaikan kepada:
**Bahagian Pengurusan
Yayasan Waqaf Malaysia
Aras 8, Blok D
Kompleks Islam Putrajaya
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3
62100 Putrajaya.**
- c) Tarikh tutup iklan ialah pada **12 Februari 2024 (Isnin)**.

CATATAN AM

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

PENAFIAN

Iklan jawatan kosong ini semata-mata untuk tujuan pelawaan sahaja dan tidak membentuk sebarang komitmen yang mengikat dengan mana-mana pihak. YWM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kekeliruan mengenai maksud iklan jawatan kosong ini. Keputusan pengambilan pekerjaan adalah sepenuhnya bergantung kepada Pengurusan YWM.